

P Pinang sekali lagi akan berdepan gangguan air



BUTTERWORTH: Lebih 120,000 akaun pengguna Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di daerah Barat Daya akan mengalami gangguan bekalan air berjadual (SWSI) 16 jam, susulan kerja lencongan selepas pemasangan dua saluran paip 600 milimeter (mm) di Sungai Perai.

Notis berhubung perkara itu akan dimaklumkan segera kepada pengguna terjejas apabila syor SWSI dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Rabu depan.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow, berkata kerja-kerja pemasangan dua saluran paip itu dijadualkan siap pada 2 Februari depan dengan kemajuan yang ditunjukkan setakat ini mencapai 50 peratus.

"Pelencongan saluran paip berkaitan memerlukan PBAPP menutup sementara keseluruhan saluran paip 1,350mm dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, akan menyebabkan gangguan bekalan terhadap 120,000 akaun pengguna terutama di daerah Barat Daya," katanya selepas meninjau kerja-kerja pembaikan paip di Sungai Perai, hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir K Pathmanathan berkata pengoperasian saluran paip berkembar itu adalah 'penyelesaian sementara' yang akan menangani risiko kebocoran lebih besar daripada saluran paip bawah permukaan air Sungai Perai yang bocor.

"Hingga kini, PBAPP menanggung (kehilangan) 154 juta liter sehari (JLH) daripada kebocoran saluran paip berkenaan.

"Dengan pengoperasian saluran paip berkembar di atas air, saluran paip bawah permukaan air ini akan ditamatkan operasinya," katanya.